

**NO SOALAN :21****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. DATUK DR. EWON EDIN  
(RANAU)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 31.10.2017**

**Y.B. DATUK DR. EWON EDIN [ RANAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) ekoran daripada pertemuan YAB. Perdana Menteri Malaysia dengan Presiden Amerika Syarikat pada 12 September 2017, apakah impak positif yang bakal diraih oleh negara Malaysia hasil daripada pakej pembelian Pesawat Boeing 787 Dreamliner dan 737 Max; dan
- (b) pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di pasaran saham Amerika Syarikat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat (YAB) Perdana Menteri Malaysia bersama

delegasi Malaysia telah mengadakan lawatan rasmi ke Amerika Syarikat pada 11 hingga 13 September 2017. Antara hasil lawatan berkenaan adalah kerjasama antara pihak Boeing dan Malaysia Airlines Berhad (MAB) melalui *Memorandum of Understanding* (MOU) bagi pembelian 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliners dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX. Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat ini merupakan *non-binding* MOU dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan pembelian pesawat dibuat oleh syarikat. Selaras dengan perancangan pengembangan operasi ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi Amerika Syarikat, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) yang berupaya terbang jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam melalui penggunaan pesawat Boeing 737 MAX 10 dan 7 hingga 13 jam melalui penggunaan pesawat Boeing 787-9 yang lebih *flexible*. Pesawat-pesawat berkenaan mempunyai kecanggihan dari segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, setiap cadangan pelaburan oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dikaji secara *deal by deal basis* dan melalui proses pelaburan yang ketat, berdisiplin dan berhemah. Kenyataan YAB Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Amerika Syarikat baru-baru ini adalah konsisten dengan strategi jangka panjang pelaburan KWSP untuk meningkatkan pelaburan luar negara. Pendedahan pelaburan luar negara KWSP yang dibenarkan pada masa ini adalah sebanyak 32% (dengan julat antara 26% sehingga 37%) daripada jumlah aset pelaburannya. Pelaburan luar negara KWSP yang dimulakan sejak tahun 2006 secara keseluruhannya melibatkan lebih daripada 40 buah negara dan 25 mata wang asing. Selain dapat mengurangkan risiko konsentrasi di pasaran domestik dan memberi KWSP akses kepada kepelbagaian pelaburan yang berkualiti, pasaran luar negara didapati mempunyai kecairan yang lebih baik. Namun begitu, pelaburan domestik terus kekal penting dan merupakan bahagian utama dalam struktur pelaburan KWSP di mana saiz portfolio pasaran domestik secara konsisten mencatat peningkatan pada kadar 7% setiap tahun.